

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 JANUARI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	iComm perlu segera diperluaskan	Utusan Malaysia
2	Rangka tindakan elak wabak akibat El Nino	Utusan Malaysia
3	Jangan panik dengan El Nino – Pengarah Meteorologi Terengganu	Bernama.com
4	Unggas, kupu-kupu turut terkesan dengan fenomena El Nino	Bernama.com

iComm perlu segera diperluaskan

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 JAN.

KERAJAAN perlu segera memperluaskan Sistem Prasarana Komuniti Pintar (iComm) ke seluruh negara ekoran Malaysia kebelakangan ini sering menjadi sasaran pelbagai kegiatan jenayah, pencerobohan, militan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia.

Penganalisis jenayah, Kamal Affendi Hashim (**gambar**) berkata, kedudukan negara yang bersempadan dengan negara-negara jiran terutamanya di utara, selatan, Sabah dan Sarawak menjadi laluan keluar masuk pelbagai jenis manusia yang dikhuatiri turut melibatkan ahli pelbagai jenis sindiket.

"Sistem yang ada perlu ditingkatkan dengan penggunaan iComm ini yang diharapkan mempunyai resolusi gambar yang tinggi bagi memastikan kawasan pintu masuk sempadan negara adalah selamat daripada menjadi poros dan mudah diceroboh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai projek perintis iComm yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Kampung Padang Rumbia, Pekan Pahang semalam bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan aspek keselamatan rakyat.

Kamal Affendi berkata, projek perintis itu menunjukkan kejayaan inovasi 'persenjataan' di dalam sains dan teknologi yang sangat diperlukan bersesuaian dengan peralihan zaman, terutamanya dalam aspek meningkatkan ciri-ciri keselamatan.



Sistem yang ada perlu ditingkatkan dengan penggunaan iComm ini yang diharapkan mempunyai resolusi gambar yang tinggi bagi memastikan kawasan pintu masuk sempadan negara adalah selamat daripada menjadi poros dan mudah diceroboh."

KAMAL AFFENDI HASHIM
Penganalisis jenayah

"Secara tidak langsung, sistem ini turut memberikan maklumat awal atau pertama sekiranya berlaku lain-lain kegemparan dan kecemasan seperti kebakaran mahupun kejadian tsunami.

"Sebenarnya banyak lagi inisiatif yang boleh dilaksanakan tetapi seolah-olah menjadi satu budaya apabila Perdana Menteri membuat teguran dan saranan, barulah sesuatu perkara itu diambil pusing," katanya.

Seorang lagi penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, iComm perlu segera dipastikan dapat berfungsi dengan baik di semua kawasan berisiko tinggi terutama yang menjadi sasaran anggota militan.

"Ini terutamanya di pintu masuk dan perairan Sabah, di sempadan



Sarawak, Kalimantan Indonesia di Tebedu dan seluruh kawasan sempadan *hot spot* di Kelantan, Kedah dan Perlis," katanya.

Shahul Hamid berkata, sistem tersebut mesti menggunakan teknologi canggih, mempunyai resolusi dan data simpanan yang tinggi serta mampu mengesan mengikut jarak jauh.

"Walaupun mungkin membatikan kos pemasangan yang tinggi tetapi apabila melibatkan soal keselamatan, kita tidak boleh kompromi.

Lebih-lebih lagi sejak kebelakangan ini Malaysia sering menjadi sasaran pelbagai kegiatan jenayah antarabangsa.

"Kurang keberkesanan sistem yang ada perlu digantikan dengan iComm kerana penjenayah semakin canggih untuk melakukan apa juga bentuk jenayah mereka dan kita juga perlu canggih untuk berlawan dengan mereka," katanya.

Rangka tindakan elak wabak akibat El Nino

KUALA LUMPUR 24 Jan.

- Kementerian Kesihatan merangka beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat bagi memastikan perkhidmatannya tidak terjejas di samping mengelakkan kejadian wabak penyakit ekoran fenomena El Nino yang berlaku ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, antara tindakan itu adalah memastikan bekalan air di hospital mencukupi selama dua minggu secara berterusan bagi menjamin fungsi perkhidmatan yang bergantung kepada bekalan air bersih.

Kementerian juga, katanya, akan memantau dan menilai bekalan air bukit di setiap negeri secara berterusan bagi mengesan kekeringan sumber dan menguruskan bantuan bekalan air bersih daripada pihak berwajib.

"Selain itu, kementerian akan memperkukuhkan surveilans (pengawasan) penyakit termasuk penyakit yang sensitif kepada perubahan cuaca seperti penyakit berkaitan jerebu, penyakit bawaan vektor, penyakit bawaan makanan dan air serta penyakit berkaitan cuaca panas.

"Kementerian juga akan mempergiatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai terutama golongan berisiko tinggi di peringkat



**NOOR HISHAM
ABDULLAH**

negeri dan daerah bagi menghadapi penyakit atau kesan kesihatan akibat El Nino," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Jabatan Meteorologi, fenomena El Nino yang kuat ketika ini boleh mengakibatkan peningkatan suhu dari 0.5 ke 2 darjah Celsius sehingga April ini.

Menurut Noor Hisham, pihaknya juga akan memastikan ubat-ubatan dan peralatan di hospital serta klinik kesihatan sentiasa mencukupi supaya rawatan yang sempurna dapat diberikan kepada pesakit.

Dalam masa sama, kata beliau, pihaknya juga akan bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi serta agensi-agensi kerajaan lain bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai El Nino.

"Pendedahan kepada cuaca panas boleh memberi pelbagai kesan kepada kesihatan manusia malah boleh menyebabkan kematian jika berlaku strok haba.

"Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai supaya bersiap sedia dan mengambil tindakan sewajarnya bagi menghadapi masalah ini dan dapatkan nasihat daripada laman web kementerian," katanya.



Jangan Panik Dengan El Nino - Pengarah Meteorologi Terengganu

KUALA TERENGGANU, 25 Jan (Bernama)-- [Pejabat Meteorologi Terengganu](#) meminta orang ramai di negeri ini agar tidak panik dengan fenomena El Nino yang sedang melanda negara.

[Pengarahnya Jenawa Husin](#) berkata Terengganu bakal menerima peningkatan suhu antara 1.5 darjah Celcius hingga dua darjah Celcius namun ia masih terkawal.

Beliau berkata pihaknya juga menjangkakan fenomena kemarau ini akan berlarutan sehingga Mac ini ekoran wap panas yang sentiasa bergerak.

"Fonomena ini adalah biasa yang akan berulang setiap tiga hingga tujuh tahun dan di Terengganu suhu yang dicatat setakat ini 32 hingga 33 darjah Celcius sahaja dan ia tidak seteruk sebelum ini.

"Setakat ini, keadaan masih terkawal dan kita sentiasa melakukan pemantauan berterusan bagi menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya hasil daripada kajian yang dijalankan, kadar suhu di negeri ini tidak akan mencecah sehingga 37 darjah Celcius dan beliau menasihati orang ramai supaya lebih berjimat menggunakan air bagi mengelak kekurangan bekalan air bersih akibat kemarau ini.

"Ini adalah disebabkan jumlah hujan yang diterima akan berkurangan maka sumber air bersih juga akan berkurang.

"Apa yang membimbangkan ialah apabila orang ramai melakukan pembakaran secara terbuka dan kita berharap orang ramai tidak melakukannya sepanjang fonomena ini berlaku," katanya.

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti di luar rumah semasa cuaca panas bagi mengelakkan masalah kesihatan disebabkan pancaran matahari yang kuat terutamanya pada sebelah petang.

Dalam perkembangan lain, pihaknya turut menjangkakan tiada insiden banjir besar berlaku di negeri ini seperti yang pernah berlaku pada monsun sebelumnya.

Katanya menerusi kajian yang dilaksanakan, 90 peratus kejadian itu tidak akan berlaku ekoran peralihan monsun timur laut yang telah berakhir di negeri ini.

"Kita tetap akan menerima hujan tetapi tidak seperti sebelum ini dan pertembungan hujan dan angin dijangka tidak akan memberi kesan yang teruk.

"Bagaimanapun itu hanya ramalan, berdasarkan kajian yang kita laksanakan setakat ini, banjir besar tidak akan melanda lagi," katanya.



Unggas, Kupu-kupu Turut Terkesan Dengan Fenomena El Nino



Gambar Hiasan Oleh Ainul Farhana Chik Lid

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Kesan cuaca panas akibat El Nino yang melanda negara kini bukan sahaja dirasakan oleh manusia, tetapi unggas dan kupu-kupu di taman sekitar ibu kota turut menerima bahangnya.

Pegawai Veterinar Taman Burung Kuala Lumpur Dr Kartini Ahmad berkata burung mudah terdedah terhadap tegasan haba, justeru pemantauan rapi termasuk melakukan sedikit perubahan terhadap rutin penjagaan perlu bagi memastikan kesemua unggas dan kupu-kupu di taman itu tidak terjejas.



Gambar Hiasan

Bagi mengelak burung dalam taman itu mengalami tegasan haba, penyesuaian dibuat terhadap air minuman selain bekas mandian tambahan disediakan untuk keselesaan kira-kira 3,000 ekor burung daripada 200 spesies yang terdapat di taman itu.

"Burung-burung akan diberi campuran vitamin dan elektrolit dalam air minuman mereka setiap dua hari sekali untuk rawatan mengurangkan kadar tegasan haba pada burung berkenaan.

"Selain itu, bekas tambahan untuk mandian burung turut disediakan di dalam sangkar agar burung-burung dapat mandi dan menyejukkan badannya sekiranya terasa panas," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Menurutnya Dr Kartini, bagi kawasan burung yang terbang bebas pula, pokok-pokok dibiarkan tumbuh merimbun dan tiada pemotongan dahan pokok dilakukan untuk memberikan lebih banyak tempat teduhan, di samping dapat mengurangkan kenaikan suhu di kawasan aviari terbang bebas serta dalam sangkar.

Pemantauan berkala juga dilakukan bagi memastikan burung dalam taman tersebut selesa dan sihat setiap hari, kata Dr Kartini.

Mengenai kes kematian burung ketika cuaca panas, Dr Kartini berkata setakat ini tiada sebarang kematian burung atas faktor panas atau kesan tegasan haba akibat perubahan cuaca panas dilaporkan di taman burung itu.

Seorang petugas dari Taman Rama-rama Kuala Lumpur pula berkata petugas taman akan menyiram pokok sekerap mungkin bagi memastikan pokok di dalam taman tidak terlalu kering.

"Selalunya ketika cuaca panas, kita akan siram tiga kali sehari iaitu pagi, tengah hari dan petang," katanya yang turut memaklumkan terdapat kira-kira 5,000 ekor kupu-kupu daripada lebih 60 spesies di seluruh negara di taman berkenaan.

Menurutnya kadar kematian kupu-kupu biasanya bukanlah disebabkan faktor cuaca panas kerana kupu-kupu mampu hidup lebih lama dalam cuaca itu berbanding ketika cuaca hujan.

Pada 9 Jan lepas, **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail** berkata intensiti hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus bermula bulan ini, ekoran fenomena El Nino sedang melanda Malaysia pada masa ini.

Menurutnya tahap El Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dan dijangka suhu negara meningkat antara 0.5 dan dua darjah Celsius.

Beliau berkata impak El Nino yang kuat itu akan berterusan sehingga April dengan negeri-negeri di utara Semenanjung sudah mula menerima kesan fenomena berkenaan.

-- BERNAMA